

05 MAY 2002

Wakaf-Mahathir/I

BEKERJASAMA BINA MASYARAKAT ISLAM BERSATU, NASIHAT DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Orang Islam perlu bekerjasama bagi membina masyarakat Islam yang bersatu-padu dengan anggotanya perlu saling berganding bahu dalam semua bidang selaras dengan kewajipan fardu kifayah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Adalah penting bagi kita untuk bersatu-padu dan menghalang musuh kita dan pada masa yang sama menentukan nasib kita sendiri mengikut ajaran agama," kata Perdana Menteri dalam perutusan beliau dalam buku cenderamata Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam yang akan diadakan di sini selama tiga hari bermula esok.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam memiliki aset berharga termasuk sumber-sumber tenaga, ekonomi dan penduduk.

Tetapi pada realitinya, beliau berkata, orang Islam dianggap oleh masyarakat dunia sebagai ganas, sentiasa berperang, berfikian sempit, tidak bersatu dan sebuah masyarakat yang tidak berupaya memanfaatkan kemuliaan yang dikurniakan ke atasnya bagi mendaulatkan keagungan Islam seperti yang dicapai pada zaman kegemilangan Islam.

"Kita perlu menerima hakikat bahawa tidak sebuah pun negara Islam pada standard hari ini, boleh dianggap sebagai maju, apatah lagi kuasa besar yang mampu mempengaruhi dunia.

"Dalam realitinya, dunia Islam kini berada dalam keadaan mundur. Di mana-mana pun orang Islam sedang ditindas," katanya.

Perdana Menteri berkata nasib rakyat Palestin merupakan contoh jelas kegagalan orang Islam walaupun mempunyai pelbagai sumber dan tidak berupaya mempengaruhi sebarang bentuk tindakan untuk menghentikan keganasan itu.

Dr Mahathir berharap Persidangan Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam kali ini akan membincangkan dan menangani masalah yang dihadapi dunia Islam.

Sembilan kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan Kuala Lumpur, terdiri daripada cadangan mengenai menyediakan umat Islam menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia yang pesat berubah, merancang penubuhan yaysan dunia bagi warisan Islam, mewujudkan dana pelaburan bagi pembangunan hartanah wakaf dan langkah-langkah menangani ekstremisme.

-- BERNAMA

MFJ MFJ RHM